

# Akta Pangkalan Data Profil DNA perlu digubal

BH 17/4/08 ms 9

Oleh Jami'ah Shukri

JENAYAH rogol dan pembunuhan kejam kepada mangsa, terutama kanak-kanak seakan fenomena yang tiada noktah. Laporan tragedi menyayat hati berkaitan kes seumpama itu kini senyap seketika.

Namun 'jangan sangka air yang tenang tiada buaya'. Kita seharusnya sentiasa berwaspada mengelak sebarang kejadian itu menimpa mana-mana juga mangsa, pada masa akan datang.

Kes paling menyayat hati pembunuhan kejam Nurin Jazlin Jazimin (**gambar**), 8, kanak-kanak yang dilaporkan hilang ketika ke pasar malam berhampiran rumahnya di Seksyen 1, Wangsa Maju, di ibu negara 20 Ogos tahun lalu dan dijumpai semula selepas hampir sebulan dengan mayatnya ditemui disumbat dalam beg pakaian, di Taman Petaling Utama, masih menghantui fikiran masyarakat.

Kejadian itu adalah antara kes profil tingi yang kini masih belum dapat diselesaikan kerana penjenayah belum dijejaki.

Selain kes rogol dan cabul, ada banyak lagi kes jenayah bentuk lain masih gagal diselesaikan 'X-files'. Dalam kes jenayah itu, polis mempunyai pendekatan tersendiri untuk menyelesaikannya termasuk menerusi ujian asid deoksiribonukleik (DNA) dengan mengambil cap jari jenayah di tempat kejadian atau mengambil mana-mana sampel biologi seperti air liur, bulu, rambut dan peluh.

Apa yang lebih penting, semua laporan DNA itu boleh disimpan dalam pangkalan data profil penjenayah supaya sekiranya melakukan jenayah sekali lagi, polis tidak menghadapi masalah untuk memburu mereka.



Bagi memastikan masalah jenayah itu dapat ditangani secara berkesan, sewajarnya Malaysia menyegerakan pengubalan Akta Pangkalan Data Profil DNA bagi memudahkan siasatan dilakukan mengesan penjenayah.

Ketika ini, Polis Diraja Malaysia (PDRM) sudah mengamalkan pelaksanaan ujian DNA itu. Bagaimanapun, Malaysia belum mempunyai akta berkaitannya seperti yang dilaksanakan di kebanyakan negara maju termasuk Amerika Syarikat, United Kingdom dan Kanada. Malah, beberapa negara di rantau Asia seperti Singapura dan Thailand mempunyai akta itu.

Di Kanada, umpamanya, undang-undang DNA diwartakan pada Disember 1998 dan dikuatkuasakan 30 Jun, 2000 lalu untuk mengesan penjenayah dengan lebih cepat.

Polis Filipina dan Indonesia juga merancang untuk menubuhkan bank data DNA bagi membantu mengenal pasti secara rawak anggota militan dengan kumpulan Jemaah Islamiyah yang dikaitkan dengan al-Qaeda.

Bagaimanapun, ketika ini, di Malaysia, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi dilaporkan sedang menuju ke arah itu dan sudah berada pada peringkat akhir penelitian di pejabat Peguam Negara dan dijangka akan dibentangkan pada sesi sidang Dewan Rakyat, akan datang.

Dengan ada akta itu, polis juga boleh mengambil dan menyimpan profil DNA daripada pesalah jenayah di dalam satu pangkalan data.

Pakar Perunding DNA bagi Makmal Forensik PDRM, Dr Zafarina Zainuddin, berkata Malaysia perlu menyediakan akta DNA bagi membolehkan pihak berkuasa melaksanakan proses ujian DNA kepada penjenayah tanpa sebarang masalah.

"Pihak berkuasa boleh mengarahkan orang yang disyaki terbahit dengan jenayah itu datang untuk membuat ujian DNA tanpa banyak soal.

"Pengambilan ujian DNA ini juga mempunyai syarat tertentu termasuk apakah jenis sampel yang boleh diambil dan siapa yang boleh menjalani ujian itu. Jika ada akta itu, tidak timbul masalah kerana ia dianggap sensitif kepada sesetengah orang.

"Ujian DNA itu dilakukan dengan mengambil sampel biologi di tempat kejadian atau dengan menggunakan cap jari penjenayah.

"Ujian berkenaan memberi ketepatan 99.9 peratus dan setiap individu mempunyai DNA yang unik dengan kemungkinan untuk serupa dengan individu lain hanya satu dalam satu trilion manusia," katanya.

Semua profil DNA disimpan dalam satu pangkalan data mengikut kumpulan, iaitu kumpulan sampel DNA penjenayah yang ditemui di tempat kejadian dan tidak diketahui siapa pemiliknya; kumpulan sampel

penjenayah bagi kes yang lalu dan kes yang diperoleh daripada penjara.

Biasanya selepas Jabatan Kimia mengambil sampel darah seseorang penjenayah, darah itu hanya akan disimpan untuk tempoh tiga hingga enam bulan dan kemudian dihapuskan. Amalan menyimpan data profil DNA penjenayah itu sudah dilakukan.

Dr Zafarina yang juga pensyarah Jabatan Sains Forensik Universiti Sains Malaysia (USM), Kubang Kerian, Kota Bharu, berkata, Malaysia sebenarnya sudah cukup kepakaran dan peralatan untuk melakukan DNA itu.

"Setakat ini, saya sudah melatih 25 pegawai polis untuk melakukan kerja ini," katanya.

Beliau berkata, selain kepentingan DNA untuk mengesan penjenayah, ia juga berguna untuk mengenal pasti mayat yang sukar dicam terbahit dalam sesuatu musibah seperti kemalangan jalan raya sekiranya ada menyimpan data profil mereka.

Malaysia sewajarnya memberi kebebasan kepada sesiapa saja rakyatnya untuk melakukan ujian DNA ini supaya boleh disimpan di dalam data profil DNA bagi memudahkan usaha mengenal pasti identiti mereka jika berlaku kes tertentu yang memerlukan siasatan lanjut.

"Ujian DNA ini agak mahal. Bagi ujian DNA yang lengkap, kos adalah melebihi RM1,000. Oleh itu, tidak mungkin kita mewajibkan orang ramai melakukan itu. Tetapi jika ada yang bersedia untuk melakukannya, ia adalah tindakan yang bijak," katanya.

Hakikatnya, banyak manfaat yang diperoleh jika mempunyai akta berkenaan bagi menyelesaikan kes, khususnya jenayah rogol dan cabul.